

# Zahid, Tun M diarah bincang cari penyelesaian

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam, mengarahkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berbincang bagi menyelesaikan kes saman fitnah membabitkan kedua-dua pihak.

Arahan mahkamah adalah bagi kedua pemimpin itu melihat, sama ada terdapat kemungkinan jika kedua-dua kes saman berkenaan dirujuk ke pusat mediasi sebelum tarikh pengurusan kes akan datang.

Jika tidak, kes saman terbabit akan diteruskan bagi perbicaraan seperti yang sudah ditetapkan sebelum ini.

Ahmad Zahid memfailkan saman terhadap Dr Mahathir pada 20 April tahun lalu kerana mendakwa bekas perdana menteri itu memfitnahnya menggunakan kedudukan bagi mempengaruhi (Dr Mahathir) mencampuri urusan perbicaraan kes jenayahnya.

Mahkamah sebelum ini menetapkan empat hari bagi perbicaraan kes terbabit bermula 6 November ini, manakala saman



*Ahmad Zahid Hamidi*

Dr Mahathir terhadap Ahmad Zahid pula kerana mempersoalkan asal usulnya (Dr Mahathir) ditetapkan bagi perbicaraan selama empat hari bermula 11 September ini.

Peguam Shahrul Fazli Kamarulzaman yang mewakili Ahmad Zahid ketika dihubungi berkata, perkara berkenaan dimaklumkan pada pengurusan kes saman itu yang dijalankan secara dalam talian di hadapan Timbalan Pendaftar Nor Afidah Idris, semalam.

Beliau berkata, mahkamah kemudian menetapkan pengurusan kes pada 14 Julai ini untuk me-



*Dr Mahathir Mohamad*

ngetahui status mediasi kedua-dua kes saman berkenaan.

Sementara itu, peguam Mior Nor Haidir Suhaimi yang mewakili Dr Mahathir berkata jika kedua-dua pihak gagal mencapai penyelesaian, kes saman berkenaan akan diteruskan dengan perbicaraan.

Ahmad Zahid dalam kes saman fitnah difaikkannya mendakwa Dr Mahathir yang juga Pengerusi Pejuang ketika itu merigeluarkan kenyataan fitnah dengan niat jahat terhadapnya pada Majlis Pelancaran Aspirasi Parti Pejuang

di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 23 Februari 2022.

Ahli Parlimen Bagan Datuk itu mendakwa kenyataan fitnah itu bermaksud beliau menggunakan jalan pintas untuk menyelesaikan dan menangguhkan perbicaraan kes jenayahnya yang masih berjalan serta menggunakan kedudukannya untuk mempengaruhi Dr Mahathir campur tangan dalam perbicaraan jenayah dan siasatan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang.

Melalui pernyataan pemeblaannya, Dr Mahathir mendakwa Ahmad Zahid menyuarakan kerisauannya berhubung kes jenayah dihadapinya ketika mereka mengadakan beberapa pertemuan.

Dr Mahathir pula dalam tuntutan samannya difailkan pada 20 Julai tahun lalu, mendakwa Ahmad Zahid mengeluarkan kenyataan fitnah terhadapnya pada mesyuarat UMNO Bahagian di Kelana Jaya pada 30 Julai 2017 dan diterbitkan semula di YouTube Astro Awani dan beberapa portal berita dalam talian, yang boleh diakses pengguna internet tanpa sebarang sekatan.